# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# RABU 18 DISEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6. | SALAHUDDIN JANJI PERJUANG NASIB PELADANG, PETANI, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -3<br>MOA DRAWING UP BLUPRINT FOR FISHERY SECTOR TO BOOST FISHERMEN'S INCOME, NEWS, EDGE MARKETS -10<br>KETUM LEAVES HAVE DETOXIFICATION AND ANTIDEPRESSANT EFFECTS, NATION, CHINA PRESS -A10<br>BLUEPRINT FOR FISHERY SECTOR TO BOOST FISHERMEN'S INCOME, HOME, BORNEO POST (KK) -7<br>FISHERIES DEPT TO PROVIDE 165 METRIC TONS OF FROZEN FISH, NATION, CHINA PRESS -A10<br>DRAFTING FISHERIES DEVELOPMENT BLUEPRINT, NATION, CHINA PRESS -A10 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 7. | MAQIS RAMPAS 90KG SALAD DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA LANGKAWI, SINAR NEGERI KEDAH, SH -36 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 8. | AGIH HASIL, LENSA AMANAH, MINGGUAN AMANAH -27 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 9.<br>10.<br>11.<br>12. | PROVIDES 165 METRIC TONNES OF FROZEN FISH, NEWS, GUANG MING DAILY -A8<br>LKIM TO PROVIDE 165 TONNES OF FROZEN FISH STOCKPILE FOR 2020-2023, HOME, BORNEO POST -9<br>100 ANAK NELAYAN DI SABAH TERIMA BEG SEKOLAH, NEGERI, MINGGUAN AMANAH -25<br>LKIM TERUS KOMITED BANTU NELAYAN DIAMI RUMAH YANG LEBIH SELESA, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -14 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 13. | NAFAS SUMBANG RM1JUTA PERUNTUKAN BANTU MANGSA BANJIR, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -13 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (NAFAS) |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/12/2019 | MINGGUAN AMANAH | NASIONAL | 3 |

# Salahuddin janji perjuang nasib peladang, petani

**KEMENTERIAN** Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan terus memastikan setiap peruntukan dan bantuan disediakan disalurkan dengan penuh tanggungjawab.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, beliau juga berjanji akan terus membela dan memperjuangkan nasib peladang serta petani di seluruh negara.

"Selagi hayat dikandung badan, saya akan buat yang terbaik untuk membela dan memperjuangkan peladang serta petani. Itulah janji dan keutamaan saya apabila diamanahkan sebagai menteri di kementerian yang besar ini.

"Saya sedar perjuangan ini masih belum selesai, malah cabarannya masih berliku," katanya pada Perhimpunan Pemimpin Peladang Zon Selatan Tahun 2019 sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Angsana Mall Johor Bahru.

Pertemuan dua hala antara kepimpinan tertinggi MOA dengan pemimpin di bawah Pertubuhan Peladang itu sebagai platform kementerian menjelaskan dasar kerajaan, sekali gus memberikan ruang pemimpin Peladang menyuarakan permasalahan mereka.

Penganjuran program dengan lebih 700 Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang sekitar Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor itu juga bagi memberi kefahaman kepada pemimpin Peladang di semua peringkat berkaitan dasar dan hala tuju baharu yang diperkenalkan MOA.

Dalam masa sama, Salahuddin berkata, beliau akan memastikan struktur agensi di bawah kementerian sentiasa diperkukuhkan.

"Saya akan menghabiskan sebahagian sisa hidup bersama peladang dan petani membela nasib mereka dan akhirnya berupaya meningkatkan pendapatan mereka.

"Saya juga mahu melihat Pertubuhan Peladang dapat dimajukan," kata Ahli Parlimen Pulai itu.

Menurutnya, terdapat sebahagian Pertubuhan Peladang yang menunjukkan kecemerlangan dalam urus tadbir dan perniagaan yang dijalankan.

Namun katanya, ada sebahagiannya yang masih bergelut untuk memajukan pertubuhan masing-masing.

"Tahun depan kita akan cuba melaksanakan dua atau tiga projek perintis dan saya berharap koperasi di bawah Peladang dapat berfungsi dengan baik.

Dalam pada itu, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mazlan Aliman berkata, menerusi himpunan berkenaan, Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang bukan sahaja boleh mendapatkan input daripada amanat yang disampaikan menteri, malah pada masa yang sama mendekatkan hubungan dua hala.

Menurutnya, pihaknya kini dalam proses memperkasakan Unit Peladang dan mencari jalan untuk memperkuatkan sektor pertanian yang berdepan cabaran hebat ketika ini.

"Kita akan melancarkan beberapa program termasuk Cuti-Cuti Peladang 2020, program kebajikan '*back to school*' untuk anak-anak ahli Peladang yang berada dalam kategori asnaf dan melancarkan agro pertanian dalam konteks institusi pendidikan Islam," kata Mazlan lagi.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MoA drawing up blueprint for fishery sector to boost fishermen's income | | |
| MediaTitle | Edge Markets (www.theedgemarkets.com) | | |
| Date | 18 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# MoA drawing up blueprint for fishery sector to boost fishermen's income

KUALA LUMPUR (Dec 17): The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MoA) is drawing up the Fishery Sector Development Plan covering the whole market value chain and fishermen's well-being.
Its minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said among the bl...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| Headline | Ketum leaves have detoxification and antidepressant effects | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 18 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A10 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 198 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,906 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,718 |


[redacted]

# 葛冬葉具戒毒抗鬱療效

## 政府160項研究用處

（吉隆坡17日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育指出，葛冬叶多被进行吸毒用途，但政府针对葛冬叶的用处进行多达160项研究，葛冬叶含有取代美沙酮的成分，并且具备止痛、肌肉松弛、戒毒和忧郁症的疗效。

他指出，其中80项由政府大学进行，当中包括马大、理大、国大和博大等。

他说，美国、加拿大和欧盟成员国早已将葛冬叶视为医药植物，泰国早前将葛冬叶种植列为合法化，相对的我国在这方面的过程刚开始。

“我看到葛冬叶合法种植活动潜力很大，如果担心葛冬叶走私或饮用葛冬叶导致迷幻现象的发生，我们有足够的法律来应对这个问题，如果我们成功发展这个产业，能为国家带来可观的收入。”

拉胡丁阿育今日为2020财政预算案部门辩论总结时说，葛冬叶在外国的药剂市场需求很大，有研究显示，葛冬叶产品在美国的市场达到每年10亿美元（约41亿令吉），同时该国也是最大的葛冬叶产品业者，多达1万人经营相关产品，让该国500万人受惠。


■沙拉胡丁阿育

“在不忽略外界对滥用葛冬叶的担忧下，政府将以仔细和谨慎的态度来发展这个行业，农业及农基工业部也会在明年开始研究合法葛冬叶种植业在国内的可行性，并且在各方面探讨此事，相信在未来5年内必能看到成果。”

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Blueprint for fishery sector to boost fishermen`s income | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 18 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 7 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 271 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,511 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 4,533 |



# Blueprint for fishery sector to boost fishermen's income




**KUALA LUMPUR:** The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MoA) is drawing up the Fishery Sector Development Plan covering the whole market value chain and fishermen's well- being.

Its minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said among the blueprint's main focus would be to strengthen the fishermen associations' role in increasing the market share, shortening the market value chain and creating alternative market avenues such as online selling or e-commerce to help raise fishermen's income.

"The ministry is also studying the feasibility of setting up a fishery consortium that is capable of playing its role in the government's efforts of looking after the fishermen's welfare and improving their standard of living," he said during the winding-up session for the ministry on the Supply Bill 2020 in the Dewan Negara, yesterday.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fisheries Dept to provide 165 metric tons of frozen fish | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 18 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A10 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 74 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,460 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,379 |



# 漁業局提供165公噸冷凍魚

（吉隆坡17日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤说，渔业发展局（LKIM）将提供多达165公吨的冷冻鱼，以确保明年至2023年的鱼类存货量充足。

他说，有关冷冻鱼的售价是每公斤10令吉，比市场上一般鱼类每公斤14令吉的价格还便宜，因此能让人民受惠。

沈志勤也提到，截至今年11月为止，我国共有652个深海捕鱼业者，参与的渔船多达1073艘。

“当中，多达216个业者是企业，剩余的436个业者是私人。”

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Drafting fisheries development blueprint | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 18 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A10 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 94 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,854 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,563 |



# 草擬漁業發展藍圖

（吉隆坡17日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育说，该部正在草拟一份涵盖产业链和渔民福利的渔业发展蓝图，焦点项目包括加强渔业协会在提高市场份额所扮演的角色、缩短相关产业链，并且设立线上交易以提高渔民的收入。

“农业及农基工业部也正在探讨设立渔业合作公司（consortium）的可行性，以在政府照顾渔民福利和提高他们的生活福利时发挥功能。”

沙拉胡丁阿育今日在上议院为2020财政预算案部门辩论进行部门总结时说，政府为了稳定鱼价正探讨如何减少中间人在渔业产业链的参与，同时为了配合工业革命4.0，也会设法在第12大马计划中争取7000万令吉拨款，以进行技术转移给相关业者。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/12/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI KEDAH / PERLIS | 36 |

# Maqis rampas 90kg salad di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi

**LANGKAWI** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 90 kilogram (kg) salad di Kompleks MAS Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini pada Rabu lalu.

Pengarah Maqis Kedah, P Lily Rosalind berkata, hasil pemeriksaan mendapati terdapat 12 kotak salad bernilai RM1,608 yang dibawa masuk tercemar dengan kandungan serangga perosak dari Australia.

Menurutnya, Maqis sering menjalankan pemeriksaan hasil pertanian yang dibawa masuk dari luar negara bagi menghalang kemasukan serangga perosak yang boleh melumpuhkan industri pertanian negara.

"Mengimport keluaran pertanian dengan kehadiran perosak adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 14, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.



Salad yang dirampas Maqis Rabu lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/12/2019 | MINGGUAN AMANAH | LENSA AMANAH | 27 |




**AGIH HASIL...**Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Senator Datuk Husam Musa merangkap Ketua AMANAH Kawasan Kota Bharu bermesra bersama antara penerima pembahagian hasil padi dan zakat di Ladang Merdeka Ana, Tumpat.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Provides 165 metric tonnes of frozen fish | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 18 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A8 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 101 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,530 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,591 |



## 漁業局確保供應充足

# 提供165公噸冷凍魚

（吉隆坡17日讯）农业副部长沈志勤披露，马来西亚渔业发展局将提供165公吨的冷冻鱼类，以确保2020至2023年期间有足够鱼类的供应。

他在国会上议院说，人民将从这些冷冻鱼中受益，因为这些鱼的价格是每公斤10令吉，对比时价每公斤14令吉更便宜。

他是回应国会上议员拿督依斯迈依布拉欣询及，有关政府如何确保2020至2023年市场有充足的鱼类供应的提问。

他说，截至今年11月共有652名深海渔民和1073艘船只进行捕鱼工作，而当中有216名渔民来自公司，436人则是个体户。他也提及，该部将在柔佛峇株巴辖和登嘉楼瓜拉尼鲁斯增设两间淡水鱼获集散中心（CCDC），柔佛边佳兰和登嘉楼龙运增设两间海鱼获集散中心。

"目前有25间淡水鱼获集散中心和27间海鱼获集散中心，是一站式销售鱼类的中心。"（TKM）

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | LKIM to provide 165 tonnes of frozen fish stockpile for 2020-2023 | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 18 Dec 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 9 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 76 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 518 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,555 |



# LKIM to provide 165 tonnes of frozen fish stockpile for 2020-2023

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) will provide 165 tonnes of frozen fish as a stockpile to ensure sufficient supply for the domestic market.

Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Sim Tze Tzin said the frozen fish under the Q'Fish brand would also be sold at cheaper prices compared to the market.

"People will be able to enjoy the benefits as the prices are cheaper, namely RM10 per kilogramme compared to the usual market price of RM14 per kilogramme," he told the Dewan Rakyat sitting here yesterday.

He was replying to a question from senator Datuk Ismail Ibrahim about the ministry's efforts in ensuring sufficient supply of fish stocks for the domestic market from next year until 2023.

To another question by Ismail on the total number of deep-sea fishermen in the country as at November this year, Sim said there were 652 active deep-sea fishermen with 1,073 registered vessels. — Bernama

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/12/2019 | MINGGUAN AMANAH | NEGERI | 25 |

# 100 anak nelayan di Sabah terima beg sekolah

**PENGERUSI** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Faiz Fadzil berharap sumbangan peralatan sekolah kepada 100 murid terdiri daripada keluarga nelayan di kawasan Sandakan, Batu Sapi dan Libaran dapat menggembirakan mereka terbabit.

"Semoga sumbangan ini mengembirakan anak-anak nelayan untuk terus menimba ilmu memajukan kehidupan sosial dan ekonomi nelayan selaras dengan wawasan kemakmuran bersama yang merupakan visi pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH)," ujarnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Permatang Pasir itu berkata demikian selepas menghadiri majlis 'Kembali Ke Sekolah' anjuran bersama LKIM, Petronas Dagangan dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT).

"Terima kasih Bahagian Pembangunan Masyarat Nelayan LKIM Othman Latif, LKIM Sabah dan Wilayah Sandakan, Petronas Dagangan, NEKMAT, PNK (Persatuan Nelayan Kebangsaan) Sandakan, PNK Libaran dan sahabat-sahabat AMANAH Sabah atas kerjasama menjayakan program ini," katanya pada 3 Disember lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/12/2019 | MINGGUAN AMANAH | NASIONAL | 14 |

# LKIM terus komited bantu nelayan diami rumah yang lebih selesa



*Faiz Fadzil menandatangani plate penyerahan rumah baru bina di Labuan.*



*Peruntukan maksimum untuk setiap rumah baru adalah RM68,000 bagi kawasan di sekitar Sabah dan Sarawak.*

Oleh **SITI NUR ZAWANI MISCON**

**LEMBAGA** Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) terus komited membantu golongan nelayan dalam negara dengan bantuan baik pulih rumah di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN).

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, kerajaan telah membaik pulih 233 rumah nelayan dengan jumlah keseluruhan lebih RM3 Juta sejak tahun lalu, dengan keseluruhan lebih RM5 Juta diperuntukan bagi membina 82 buah rumah baharu.

Menurut beliau lagi, peruntukan maksimum setiap rumah yang dibaik pulih adalah sebanyak RM13,000 bagi semenanjung dan RM15,000 bagi Sabah, Sarawak, dan Labuan.

"Untuk bina rumah baharu pula, peruntukan maksimum untuk setiap rumah adalah berjumlah RM56,000 bagi kawasan Semenanjung dan RM68,000 bagi kawasan di sekitar Sabah dan Sarawak.

"Di bawah inisiatif PKPN ini juga, dilaksanakan projek penempatan semula nelayan (PSN) di beberapa buah negeri termasuk di Kedah, Kelantan, Perlis, Perak dan Pahang berdasarkan konsep sewa beli (*rent to own*).

"Program ini dikhususkan bagi nelayan yang tidak memiliki hakmilik tanah berdaftar dan akan diperluaskan ke negeri lain termasuk Sabah, Terengganu dan Pulau Pinang tertakluk kepada kelulusan tanah oleh pihak berkuasa negeri masing-masing," katanya dalam sesi lawatan kerja di Sandakan selama dua hari baru-baru ini.

Turut bersama beliau dalam lawatan tersebut, Pengarah LKIM Labuan, Pada Anak Bijo.

Sementara itu, Timbalan Pemuda AMANAH Nasional itu turut menegaskan, bahawa inisiatif PKPN adalah usaha kerajaan melalui LKIM untuk membantu golongan nelayan yang berkelayakan bagi memastikan mereka mempunyai kediaman yang baik dan selesa.

Adun Permatang Pasir itu turut memberi jaminan bahawa lebih banyak rumah nelayan akan dibaik pulih dan dibina baharu pada masa akan datang kepada nelayan yang benar-benar layak.

Dalam lawatan tersebut, Faiz turut menyempurnakan pemberian tiga buah rumah bina baharu yang telah siap dibina di Labuan yang diduduki beberapa penduduk yang dikenali sebagai Yusup Dahlan, Mohammad Gapar dan Munah Husin.

Untuk rekod, pada tahun ini sahaja, sebanyak enam buah rumah nelayan di Labuan telah dibaik pulih dengan peruntukan sebanyak RM90,000 dengan enam buah rumah bina baharu telah dan sedang dibina dengan peruntukan sebanyak RM408,000.

"Apa yang menarik kali ini adalah penyiapan rumah baharu penduduk, Mohamad Gapar yang hangus akibat terbakar pada awal tahun ini.

"Setinggi penghargaan kepada kakitangan LKIM yang terlibat menguruskan projek PKPN ini dengan baiknya," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/12/2019 | MINGGUAN AMANAH | NASIONAL | 13 |

# Nafas sumbang RM1 juta peruntukan bantu mangsa banjir

*Oleh* **SITI NUR ZAWANI MISCON**
*Foto* **SYAFIQ ISKANDAR**

**LEMBAGA** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) hari ini mengumumkan peruntukan sebanyak RM1 Juta akan diberikan bagi menyediakan keperluan kepada mangsa banjir di seluruh negara.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi berkata, seramai 30 orang dari Skuad Bantuan Banjir digerakkan ke Terengganu dan Kelantan bagi membantu mangsa banjir bukan sahaja dari kalangan ahli-ahli Peladang, malah melibatkan keseluruhan mangsa terlibat.

Menurutnya, bantuan tersebut merupakan peruntukan daripada keuntungan perniagaan Nafas yang dipulangkan kembali kepada ahli-ahli Peladang secara khusus.

"Skuad bantuan yang pertama akan bergerak ke pusat-pusat pemindahan di Pantai Timur-Terengganu dan Kelantan bagi mengagihkan bantuan-bantuan yang diperlukan mengikut permintaan.

"Bantuan dan khidmat sosial akan diteruskan ke negeri-negeri lain yang terlibat banjir antaranya Johor dan juga ke negeri-negeri di utara Semenanjung.

"Jadi, peruntukan RM1 Juta itu akan disalurkan ke seluruh negara yang dilanda musibah, tidak semestinya digunakan di Terengganu dan Kelantan sahaja. Jumlah tersebut merangkumi bantuan musim banjir tahun ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran Skuad Bantuan Banjir, di Pejabat Nafas, Kota Damansara baru-baru ini.



***Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi merasmikan pelancaran Skuad Bantuan Banjir, di Pejabat Nafas, Kota Damansara 9 Disember baru-baru ini.***

Dalam pada itu, beliau juga berkata, Sebuah Bilik Gerakan yang beroperasi di Ibu pejabat Nafas akan mengemaskini maklumat kawasan yang berlaku bencana serta jumlah mangsa bagi melicinkan pergerakan skuad bantuan banjir.

Jelasnya, sukarelawan NAFAS yang digerakkan akan turut serta bagi bantuan pasca banjir; membersihkan kawasan tempat tinggal, dewan dan premis-premis yang terlibat banjir

"Nafas juga bersiap siaga menggerakkan skuad bantuan bagi menghadapi kemungkinan gelombang kedua banjir dan banjir kilat berikutan peralihan Monsun Timur Laut.

"Program bantuan banjir seumpama ini bukan yang pertama dilaksanakan. NAFAS sentiasa prihatin terhadap ahli-ahli Peladang dan juga masyarakat setempat yang dilanda musibah pada musim tengkujuh," ujarnya.